

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

BERITA HARIAN, 10 February 2001, Page 31

 Article also available on Microfilm Reel NL22836  Printer-Friendly Page

Berat sama dipikul, ringan sar

Jamaludin Jamil dan Sheik Alauddin Yaacob barangkali memecahkan tradisi silat terbuka untuk bersaing bagi jawatan Setiausaha Agung dalam Mesyuarat Agung F kedua-duanya — yang mempunyai perwatakan berbeza — terpilih dalam Persisi. bekerjasama untuk memajukan silat di sini? Yusoff A. Rahman mendapatkan reaksi

S: *Anda berdua menjadi perhatian umum kerana secara terbuka mengumumkan hasrat ingin bertanding bagi jawatan Setiausaha Agung Persisi. Kenapa anda berminat sekali dengan jawatan itu?*

Jamaludin: Jawatan Setiausaha

Agung (SUA) adalah jawatan penting untuk dipikul. Cabarannya luas dari segi pentadbiran, kewangan, teknikal serta projek jangka pendek dan panjang.

Tanggungjawab SUA juga untuk bekerjasama dengan Guru/Perguruan Silat setempat. Kepercayaan kepada saya menjawat jawatan selaku Penolong 1 SUA bermula dari tahun 1994, Pemangku SUA 1995/1996 dan SUA 1996/1998 adalah satu kelebihan kepada saya.

Saya turut menyumbangkan kepada pembaharuan dari segi penyelarasan, laporan-laporan, rangkaian perhubungan dengan media massa serta menjalin perhubungan baik dengan Majlis Sukan Singapura (SSC).

Ia telah menarik perhatian SSC dimana saya memainkan peranan yang telah membuat banyak perubahan dari segi pentadbiran dan telah dipuji oleh mantan Pengarah (Spex), Encik Robert Tan, selaku SUA 1996/1998 lalu.

Sheik: Bukan kerana kedudukan atau pangkat yang saya rebutkan. Tetapi dengan niat ikhlas untuk memajukan pencak silat serta menjayakan budaya warisan bangsa dengan seluas-luasnya.

Banyak perkara dalam Persisi sering menjadi tanda tanya dan tidak diketahui oleh JKP mahupun kerabat. Akan tetapi, informasi itu hanya disebarkan kepada teman-teman sahaja. Perjalanan pentadbirannya amat lembap, tidak berani menjalani perubahan serta membuat keputusan demi mengembangkan silat.

Kepentingan-kepentingan peribadi lebih diutamakan daripada tujuan asal. Saya, dengan pengalaman menjangkau lebih 20 tahun dalam sukan ini, sanggup berkorban demi kemajuan silat, maka

saya sanggup untuk menjawat jawatan ini.

Lebih-lebih lagi saya cukup dekat dengan perkembangan Persisi.

S: *Sebelum ini, apakah yang menjadi perbezaan anda berdua dalam memajukan sukan ini?*

Jamaludin: Perbezaan kami ialah beliau (Sheik) adalah seorang atlit yang berjaya dari awal 80-an hingga 1999 dengan menyandang gelaran juara dunia dan meraih pingat emas. Beliau dilantik selaku anggota JKP dan menjawat jawatan jurulatih kebangsaan pada tahun 1998 hingga kini.

Manakala saya seorang guru silat serta pemimpin silat dari 1990 dengan menjawat jawatan di persatuan, persekutuan silat di peringkat kebangsaan (Persisi) dan antarabangsa (Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa atau Persilat). Saya juga seorang wasit juri antarabangsa yang bertauliah dan turut menyumbang selaku Penatar di Hanoi, 1994 dan Cibubur, 1996 di Jakarta lalu. Saya juga duduk di Lembaga Wasit Juri Persilat.

Saya juga pernah menjadi Pengurus Umum Skuad Kebangsaan 1996/1997 di Kejohanan Malaysia di Sarawak, 1996; Kejuaraan Dunia, Kuala Lumpur, 1997; dan Sukan SEA, Jakarta, 1997.

Sheik: Bagi diri saya, pengalaman yang selama ini saya tempuhi semasa di dalam dan luar arena memberi panduan untuk saya memajukan sukan ini. Menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pemerintah serta segala kemudahan moden yang canggih tetapi tidak melupakan silat sebagai budaya atau adat kita.

S: Kini anda berdua telah sama-sama berada dalam Persisi sebagai Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung Satu. Sejauh manakah anda berdua boleh menjalin kerjasama dalam pembangunan silat di sini?

Jamaludin: Selaku SUA, saya diban-

tu dua orang Penolong SUA iaitu Sheik, Penolong 1 dan Sumarleki, Penolong 2.

Dengan gembeng tenaga muda, ia dapat menguatkan lagi tugas-tugas sekretariat dengan penyelarasan, rangkaian perhubungan dan lain-lain.

Dewasa ini kita tiada masalah dan telah faham bidang dan tugas masing-masing. Dapat kiranya sentiasa berganding bahu dari masa ke semasa.

Saya akan tumpukan kepada pentadbiran dari segi ehwal dalam dan luar negeri, perhubungan awam, pemasaran korporat dan lain-lain. Sheik pula akan tumpukan kepada pembinaan dengan kerjasama Majlis Sukan Singapura (SSC) dan meluaskan silat dalam rangka Kementerian Pendidikan.

Sheik: Kerja-kerja yang dilakukan harus telus dan semua perkara yang dibincangkan harus dibawa berunding dahulu.

Tidak membuat keputusan yang melulu. Mampu untuk berubah mengikut peredaran masa. Ikhlas dalam menjalankan tugas, bukan hanya untuk kepentingan diri atau perguruan sendiri. Jangan beri saranan demi saranan tapi tidak mampu untuk melaksanakan tugas itu. Insya-Allah, kalau kita dapat berpendapat yang seirama, yang kusut juga pasti dapat dihuraikan.

S: Boleh anda beritahu tentang kelebihan masing-masing?

Jamaludin: Sheik seorang yang berjiwa besar dan yakin diri. Beliau juga menunjukkan semangat untuk maju diri selaku seorang atlit dan satu contoh yang baik kepada atlit lain. Contohnya, pada awal 1996 sebaik sahaja pulang dari Sukan SEA di Chiangmai Disember 1995, beliau telah melahirkan hasrat untuk berlatih di luar negeri ke Jerman dan Bandung.

Ketika itu saya adalah Pemangku SUA dan saya menyuruh beliau menulis secara rasmi hasrat dan rangka latihan yang bakal beliau ikuti yang boleh dimanfaatkannya.

Setelah saya menganalisa secara terperinci, saya tertarik dan menyokong serta mengajukan permohonan kepada Eksko Kanan dan mantan jurulatih kebangsaan (Haji Hussain Kaslan dan Allahyarham Haji Hosni Ahmad) untuk mendapat pandangan dan sokongan.

Dengan sokongan SSC berjumlah \$28,000, Sheik dapat berlatih di Jerman selama lebih sebulan dan dua minggu di Bandung.

Sheik: Kalau tentang Jamal, saya tidak tahu siapa sebenarnya Jamal atau kebolehannya kerana semasa beliau menjadi setiausaha agung pada 1997, tidak ada perubahan dan peningkatan dalam memajukan silat di Singapura.

S: Apakah reaksi anda kini tentang tenaga muda memimpin jawatan-jawatan penting dalam Persisi?

Jamaludin: Di alaf baru ini peri pentingnya memupuk barisan pelapis demi masa depan Persisi.

Dengan pendidikan tinggi serta pendedahan yang luas, ia dapat menguatkan lagi kepimpinan dengan idea-idea baru serta pendekatan yang kreatif demi kemajuan silat.

Tenaga muda juga berani mengetengahkan konsep-konsep baru serta memperbaharui kelemahan-kelemahan seperti perlembagaan, penyelarasan dan pelatihan.

Dengan tenaga muda yang penuh bertenaga dapat juga menarik karyawan-karyawan muda yang berminat, komited, jujur dan berkebolehan untuk tampil berkhidmat.

Walau bagaimanapun tenaga lama dan pengalaman juga perlu demi kesi-nambungan.

Sheik: Mudah-mudahan dapat meniti ke arah Wawasan 21. Tidak selalu ketinggalan. Berani bekerja keras demi kejayaan silat. Harapan semuanya tidak berfikiran sempit atau mempunyai sikap ego.

Mereka juga harus berani menyuarakan pendapat walaupun ia mungkin bertentangan dengan pendapat saya

dan semoga tidak bersikap berpuak-puak.

S: Dulu, Persisi dianggap sebagai persatuan lembap. Apakah yang boleh dilakukan untuk memulihkan pentadbirannya?

Jamaludin: Ini terus terang ditujukan kepada sikap individu dan niat masing-masing.

Saya bukan ingin memburukkan keadaan dan harus berterus terang.

Jika sikap hanya untuk nama, berminat untuk pergi keluar negeri sahaja, nampaknya melaratlah kita.

Dengan mengorak langkah baru seperti penubuhan tiga jabatan iaitu pentadbiran, kewangan dan pembinaan, insya-Allah imej Persisi dapat diperbaiki.

Sheik: Semua IKP dan kerabat ke...

rabatnya harus mampu untuk merubah fikiran menuju ke arah Wawasan 21. Jangan takut untuk membuat sesuatu, umpamanya, Pusat Silat.

Harus sama-sama bekerjasama agar tercapai segala matlamat, yang mana buat masa ini, untuk menjadikan projek bangunan menjadi realiti. Justeru itu, menjayakannya di masa hadapan. Bukan untuk kepentingan diri sendiri.

S: Silat telah melahirkan beberapa johan dunia. Tetapi Singapura gagal dalam Kejohanan Sedunia tahun lalu. Apakah kita mampu melahirkan johan-johan baru?

Jamaludin: Insya-Allah, saya penuh yakin masih ada batu permata yang masih belum digilap lagi.

Sungguhpun sumber yang terhad dengan bilangan pesilat yang berpotensi tidak ramai berbanding sukan lain, saya yakin dengan pendedahan secukupnya serta pendekatan mengikut peredaran masa, kita mampu melahirkan tiga ataupun empat pesilat yang berpotensi menjadi juara dunia.

Sheik: Mengapa tidak? Ini adalah sejarah dalam Persisi. Pada tahun lalu, kategori Remaja telah meraih kemena-

ngan sebanyak empat emas, dua perak dan lapan gangsa dalam Kejohanan Sedunia Silat Remaja yang pertama.

Dalam kategori dewasa pula, tetap menjadi satu kemenangan walaupun hanya memperolehi sebutir perak dan lima gangsa.

Insyaa-Allah dengan ketekunan para atlit dan dedikasi para pelatih, kita mampu melahirkan johan-johan baru selain dapat membesarkan lagi jurang pemilihan para atlit.

Dengan adanya lebih banyak latihan dan pertandingan persahabatan di luar negara, ia dapat memberi para atlit keyakinan diri dan pengalaman yang lebih meluas.

S: Apakah harapan anda untuk silat pada masa depan?

Jamaludin: Harapan saya sangat besar — lebih jauh mata memandang ke langit dan lebih dalam dasar lautan. Agar silat menjadi senarai Sukan Olimpik nanti.

Saya boleh letakkan matlamat dan harapan tinggi itu dahulu. Sebagai pengamat silat dari tahun 70-an, saya turut menulis di akhbar (Berita Harian, 8 Oktober 1977).

Syor disediakan gelanggang sebagai tempat latihan silat. Ia merujuk gesaan Allahyarham Presiden Persisi pertama, Dr Haji Ya'cob Mohamed, agar badan-badan silat bergabung dengan menyasarkan Persisi mempunyai gelanggang sendiri.

Dan insya-Allah, usaha Pusat Silat di Bedok yang bakal siap awal tahun depan menjadi satu kenyataan dan kebanggaan semua.

Sheik: Semua JKP dan kerabat-kerabatnya harus mampu untuk merubah fikiran menuju ke arah Wawasan 21. Jangan takut untuk membuat sesuatu, umpamanya, Pusat Silat. Harus sama-sama bekerjasama agar tercapai segala matlamat, yang mana buat masa ini, untuk menjadikan projek bangunan menjadi realiti.

“Di alaf baru ini peri pentingnya pupuk barisan pelapis demi masa depan Persisi. Tenaga muda juga berani mengetengahkan konsep-konsep baru serta memperbaharui kelemahan-kelemahan... Walau bagaimanapun tenaga lama dan pengalaman juga perlu demi kesinambungan.”

— Jamaludin.



**“Mudah-mudahan dapat
meniti ke arah
Wawasan 21. Tidak
selalu ketinggalan.
Berani bekerja keras
demi kejayaan silat.
Harapan semuanya
tidak berfikiran simpl
atau mempunyai sikap
ego. Mereka juga han**

**berani menyuarakan
pendapat walaupun ia
mungkin bertentangan
dengan pendapat saya
dan semoga tidak
bersikap
berpuak-puak.”**
— Sheik Alauddin.

FOTO: JOHARI RAHMAT